Ketua Pengarah Imigresen Malaysia lwn Heng Peo

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO W–05–148 TAHUN 2006
ZULKEFLI, RAUS SHARIF DAN ZAINUN ALI HHMR
8 FEBRUARY 2007

Acara Jenayah — Bidang kuasa mahkamah — Bertindak tanpa — Perintah atau relif yang dipohon tidak tergolong dalam bidang perkara yang dibenarkan di bawah Kanun Acara Jenayah — Sama ada sesuatu semakan kehakiman boleh dibuat secara permohonan jenayah pelbagai

Imigresen — Kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 — Tinggal lebih masa — Pemohon memohon untuk diusir ke tempat berangkat terakhir dan bukan ke negara asalnya — Sama ada kaedah prosedur yang betul digunakan — Sama ada bertentangan dengan peruntukan s 59A Akta Imigresen 1959/63

Perayu ialah Ketua Pengarah imigresen Malaysia dan responden/pemohon adalah seorang rakyat daripada Kingdom of Cambodia. Pemohon telah ditangkap oleh pihak polis kerana telah tinggal lebih masa selama dua hari. Pemohon telah memfailkan suatu permohonan writ habeas corpus. Pemohon kemudiannya telah dibawa ke jabatan imigresen Malaysia di mana pemohon dimaklumkan bahawa pemohon akan diusir keluar daripada Malaysia. Pemohon telah memohon untuk diusir ke tempat berangkat terakhir pemohon iaitu ke Singapura tetapi bukan ke negara asalnya iaitu Cambodia. Pemohon telah juga memohon satu perintah penggantungan sementara tindakan pengusiran ianya sehingga mahkamah melupuskan permohonan pemohon. Semasa kes permohonan jenayah sedang didengar, pemohon telah memfailkan suatu lagi kes permohonan bertajuk permohonan jenayah pelbagai di mana pemohon telah menamakan ketua pengarah imigresen sebagai responden dan semasa pendengaran kes ini pihak responden telah membangkit dua isu bantahan awal terhadap kaedah prosedur yang digunakan oleh pemohon dan juga perintah yang hendak dipohon oleh pemohon adalah bertentangan dengan peruntukan s 59A Akta Imigresen 1959/63. YA Hakim Mahkamah Tinggi telah menolak bantahan awal responden setelah mendengar kes di atas meritnya, membenarkan permohonan pemohon tersebut. Isu yang perlu diputuskan melalui rayuan ini adalah melibatkan suatu isu undang-undang iaitu persoalan sama ada sesuatu semakan kehakiman boleh dibuat secara permohonan jenayah pelbagai dan sama ada YA Hakim Mahkamah Tinggi yang membicarakan kes ini boleh membuat perintah seperti yang dipohon oleh pemohon.

Diputuskan, membenarkan rayuan tersebut:

(1) Tidak terdapat tajuk-tajuk perkara atau 'intitulements' yang mencukupi dan

betul dinyatakan kepada permohonan pemohon tersebut. Juga sekiranya terdapat tajuk-tajuk perkara dinyatakan sekalipun ianya tidak menyokong perintah-perintah atau relif yang dipohon oleh pemohon. Tajuk-tajuk perkara kepada permohonan pemohon tersebut ada menunjukkan beberapa undang-undang statut atau kaedah-kaedah yang pihak pemohon bergantung kepadanya. Walau bagaimanapun tajuk-tajuk perkara tersebut gagal menyatakan peruntukan undang-undang atau kaedah-kaedah mahkamah yang betul dan bersesuaian yang mana permohonan tersebut dibuat atau dibenarkan dibuat (lihat perenggan 13).

(2) Perintah atau relif yang dipohon oleh pemohon tidak tergolong langsung dalam bidang perkara yang dibenarkan di bawah Kanun Acara Jenayah, tetapi ianya sepatutnya dibuat dan dipohon di bawah undang-undang yang lain. Relif yang dipohon oleh pemohon adalah berbentuk suatu perintah mandamus dan dalam hal perkara ini pemohon sepatutnya memulakan prosiding permohonan semakan kehakiman untuk relif tersebut melalui tatacara yang ditetapkan di bawah A 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') (lihat perenggan 15).

(3) Kuasa-kuasa tambahan yang diberi kepada mahkamah oleh s 25(2) Akta Kehakiman Mahkamah 1964 seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 1 Jadual tersebut hendaklah dilaksanakan mengikut kehendak undang-undang bertulis atau kaedah-kaedah mahkamah mengenainya. Kehendak undang-undang bertulis atau kaedah-kaedah mahkamah yang dimaksudkan dan terpakai dalam hal perkara ini adalah A 53 KMT. Oleh kerana prosedur permohonan yang digunakan oleh pemohon adalah salah maka Mahkamah Tinggi dalam memberi perintah yang dipohon oleh pemohon adalah dengan itu bertindak tanpa bidang kuasa dan perintah yang diberi adalah dianggap tidak sah (lihat perenggan 19).

[English summary

The appellant was the Director General of Immigration of Malaysia and the respondent/applicant was a citizen of the Kingdom of Cambodia. The applicant was arrested by the police for overstaying for a period of two days. The applicant filed an application for a writ of habeas corpus. The applicant was then taken to the Immigration Department of Malaysia whereby he was informed that he would be deported out of Malaysia. The applicant applied to be deported to his last place of entry which was Singapore but not to his country of origin which was Cambodia. The applicant also applied for an order of stay pending his deportation action until the court disposed of his application. During the hearing of the criminal application, the applicant filed another application intituled as general criminal application whereby the applicant named the director general of immigration as the respondent and during the hearing of this case, the respondent raised preliminary objections on two issues, firstly against the procedural rules used by the applicant and secondly, the order applied for by the applicant contravenes the provisions of s 59A of the Immigration Act 1959/63. The learned High Court judge dismissed the preliminary objections of the respondent after hearing the case on its merits, allowing the applicant's application. The issue that needs to be determined in this appeal involved

a question of law, ie whether judicial review can be applied by way of a general criminal application and whether the learned High Court judge was right in making an order as prayed for by the applicant.

Held, allowing the appeal:

(1) There were no sufficient and correct intitulements stated in the application by the applicant. Even where the intitulements were stated they did not support the orders or reliefs applied for by the applicant. The intitulements to the applicant's application referred to a few statutory laws or rules which the parties relied upon. However the said intitulements failed to state which provisions of the laws or rules of court the application was made or allowed to be made (see para 13).

(2) The order or relief prayed for by the applicant were not at all included into the field of matters allowed under the Criminal Procedure Code, where application should have been made and applied for under other laws. The relief prayed for by the applicant were in the form of an order for mandamus and in such a matter the applicant should have started an application proceedings for judicial review for the said relief in accordance with the procedure laid down by O 53 of the Rules of the High Court 1980 ('RHC') (see para 15).

(3) The additional powers conferred on the court by s 25(2) of the Courts of Judicature Act 1964 as provided for under para 1 of the schedule to the said Act must be in accordance with the written laws or rules of court. The written laws or rules of court applicable here to such matters is O 53 of the RHC. As the procedure for the application by the applicant was wrong, therefore the High Court in allowing their application acted without jurisdiction and accordingly the order made was invalid (see para 19).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai bertindak tanpa bidang kuasa mahkamah, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 2181.

Untuk kes mengenai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 4026.

Kes-kes yang dirujuk

Mersing Omnibus Co Sdn Bhd v Minister of Labour & Manpower & Anor [1983] 2 MLJ 541 (refd)

Metro Pacific Sdn Bhd v Ketua Pengarah Kesatuan Sekeria & Anor [2001] 4 MLJ 616 (refd)

Pahang South Union Omnibus Co Bhd v Minister of Labour and Manpower & Anor [1981] 2 MLJ 199 (refd)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Imigresen 1959/63 ss 15(1)(c), 33(1), 34(1), 59A
Akta Kehakiman Mahkamah 1964 s 25(2), Jadual perenggan 1
Akta Relif Spesifik 1950 ss 44, 45

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 53 kk 2, 3
Kanun Acara Jenayah ss 49, 51, 117, 118, 310, 311, 365, 366, 413

Rayuan daripada: Permohonan Jenayah Pelbagai Bil 44–147 tahun 2006 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)

Mohamad Hanafiah bin Zakaria (Ishak Mohd Yusoff bersama beliau) (Peguam Kanan Persekutuan) bagi pihak perayu.
Sivananthan (Abd Shukor Ahmad bersama beliau) (Sivananthan) bagi pihak responden.
Puruvalen (Oh Choong Ghee bersama beliau) peguam pemerhati bagi pihak Kerajaan Kingdom of Cambodia.

Zulkefli HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Di dalam kes ini Peguam Negara Malaysia telah memfailkan suatu notis rayuan yang disusuli dengan suatu petisyen rayuan atas perakuan segera bagi pihak perayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 15 Disember 2006. Perayu iaitu Ketua Pengarah Imigresen Malaysia adalah responden di Mahkamah Tinggi dan responden iaitu Heng Peo, seorang rakyat daripada Kingdom of Cambodia adalah pemohon. Kami akan merujuk kepada pihak berkenaan sebagaimana mereka di Mahkamah Tinggi.

[2] Melalui suatu Permohonan Jenayah Pelbagai bertarikh 13 Disember 2006 ('permohonan tersebut') pemohon telah memohon untuk mendapatkan perintah-perintah seperti berikut:

(a) bahawa responden diarahkan mengusir pemohon ke tempat berangkat terakhir pemohon sebagaimana yang disebut di bawah Akta Imigresen 1959/63 serta-merta selepas perintah ini dibuat dan untuk tujuan ini melepaskan pemohon daripada tahanan pihak responden;

(b) bahawa sehingga keputusan dibuat terhadap permohonan di dalam perenggan (a) di atas, satu perintah penggantungan diberikan di mana segala prosiding berkenaan dengan pengusiran pemohon digantung sehingga pelupusan permohonan tersebut; dan

(c) lain-lain perintah yang difikirkan adil dan sesuai oleh mahkamah yang mulia ini.

[3] Di dalam afidavit menyokong permohonan tersebut yang diikrarkan oleh pemohon adalah dinyatakan, antara lain, fakta-fakta seperti berikut:

(i) Pemohon telah memasuki Malaysia daripada Singapura pada 1 September 2006 di mana pemohon telah diberikan pas lawatan yang sah selama 30 hari.

(ii) Pemohon telah ditangkap oleh pihak polis di Subang Jaya pada 3 Oktober 2006 lebih kurang jam 8 malam kerana telah tinggal lebih masa selama dua hari.

(iii) Pemohon kemudiannya telah dibawa ke Jabatan Imigresen Malaysia di Putrajaya di mana pemohon dimaklumkan bahawa pemohon akan diusir keluar daripada Malaysia. Pemohon seterusnya ditahan di Bilik Tahanan di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur.

(iv) Pada setiap masa yang material pemohon sedia diusir keluar daripada Malaysia tetapi bukan ke negara kelahiran atau negara asalnya iaitu Cambodia. Pemohon telah memasuki Malaysia daripada Singapura maka pemohon patut diusir keluar dari Malaysia dan dikembalikan ke tempat embarkasi ('place of embarkation').

(v) Pada 6 Disember 2006, Kedutaan Negara Finland telah memberikan kepada pemohon surat perjalanan untuk membolehkan pemohon memasuki negara tersebut dan pemohon ingin berbuat sedemikian.

(vi) Adalah lebih adil, mudah dan saksama jika pemohon diusir keluar daripada Malaysia dan dikembalikan ke tempat embarkasi untuk membolehkan pemohon meneruskan perjalanan ke negara Finland dan tiadalah apa-apa sebab dan juga adalah tidak wajar bagi responden untuk mengusir pemohon ke negara kelahiran atau negara di mana pemohon adalah warganegara iaitu Cambodia.

(vii) Pemohon sanggup untuk menanggung segala kos berkenaan dengan tindakan pengusiran pemohon dari Malaysia ke tempat embarkasi tersebut.

[4] Di dalam permohonan tersebut, pemohon telah juga memohon satu perintah penggantungan sementara tindakan pengusiran iaitu sehingga mahkamah melupuskan permohonan pemohon. Tujuan pemohon memohon perintah penggantungan ialah untuk memastikan bahawa sebarang perintah mahkamah tidak menjadi akademik kerana sekiranya perintah pengusiran telah dibuat sedangkan mahkamah yang mulia ini belum memutuskan permohonan substantif pemohon, apa-apa perintah mahkamah yang dibuat selepas pengusiran pemohon tidak akan memberi apa-apa kesan kerana 'subject matter' telah tidak lagi wujud.

[5] Pemohon menyatakan bahawa responden harus sewajarnya membuat keputusan untuk mengusir pemohon ke pilihan yang pertama iaitu ke tempat embarkasi tersebut kerana pemohon khuatir tentang nyawa dan kebebasan peribadi pemohon. Ini disokong oleh fakta bahawa pemberian visa oleh Kerajaan Finland adalah tanpa menemuduga atau menemui pemohon dan ini jelas menyokong kebimbangan yang dinyatakan oleh pemohon dan mewajarkan penggunaan budi bicara oleh Mahkamah ini untuk mengarahkan responden sedemikian untuk mencapai keadilan.

[6] Pihak responden dalam menentang permohonan pemohon telah mengemukakan dua afidavit jawapan iaitu masing-masing yang diikrarkan oleh Thai Chun, seorang Menteri Konsulat di Kedutaan Cambodia di Malaysia dan oleh Dato' Wahid bin Mohd Don, Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia.

[7] Thai Chun dalam afidavit jawapannya menyatakan antara lain seperti berikut:

(i) Pemohon adalah seorang warganegara Kingdom of Cambodia dan pernah diberi Paspot Diplomatik milik Kingdom of Cambodia No D0007788 atas nama His Majesty The King of Cambodia. A

(ii) Pada 7 Ogos 2006, Kerajaan Kingdom of Cambodia melalui Kementerian Luar Negara dan Kerjasama Antarabangsanya telah memaklumkan kepada semua kedutaan diplomatik dan konsuler yang dilantik oleh Kingdom of Cambodia termasuk Kedutaan Kerajaan Malaysia bahawa Paspot Diplomatik Combodia No D0007788 milik pemohon telah dibatalkan oleh Kerajaan Kingdom of Cambodia dan ianya dibatalkan berkuatkuasa pada 7 Ogos 2006. B

(iii) National Central Bureau Interpol Cambodia telah membuat permohonan kepada Ibu Pejabat Interpol di Lyon, Perancis dan pihak Interpol telah mengeluarkan nota merah ('red notice') terhadap pemohon sebagai seorang pelarian ('fugitive') yang dikehendaki untuk pendakwaan di Cambodia. C

(iv) Perjalanan pemohon di luar daripada Kingdom of Cambodia memerlukan pemohon mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan tanpa paspot tersebut, pemohon tidak boleh pergi ke mana-mana mengikut kehendaknya. D

(v) Adalah dinafikan tohmahan bahawa pemohon akan diseksa dan dibunuh apabila tiba di Cambodia. Sebaliknya dinyatakan bahawa negara Kingdom of Cambodia mempunyai sistem perundangan di dalam membicarakan setiap rakyat yang melakukan kesalahan jenayah. Oleh itu, tiada sebab akan berlaku sebarang penganiayaan yang diamalkan oleh Kerajaan Kingdom of Cambodia terhadap mana-mana rakyatnya termasuk pemohon. E

(vi) Kesalahan yang dilakukan oleh pemohon adalah jenayah biasa dan pemohon telah diberi peluang untuk didengar dan dibicarakan. Sebaliknya pemohon telah melarikan dirinya ke luar negara. Seterusnya dinyatakan bahawa sistem keadilan di Kingdom of Cambodia membenarkan perbicaraan tanpa kehadiran pemohon sekiranya pemohon melarikan diri daripada pendakwaan. F

(vii) Adalah dinafikan segala tohmahan dan tuduhan yang dilemparkan mengenai perbicaraan yang tidak adil dan saksama yang bakal diterima oleh pemohon di Negara Kingdom of Cambodia. Mahkamah Kingdom of Cambodia sentiasa mengamalkan sistem keadilan yang mengikut lunas undang-undang yang adil kepada semua rakyatnya termasuk pemohon. Pemohon akan diadili dengan sebaik-baiknya dan segala peluang untuk pemohon merayu ke Mahkamah yang lebih tinggi sekiranya tidak berpuas had dengan sebarang keputusan mahkamah akan diberikan kepadanya. Pemohon juga bebas untuk melantik dan mendapatkan khidmat peguam yang dipilih olehnya. Seterusnya dinyatakan bahawa semua perbicaraan akan dijalankan di mahkamah terbuka. G H

(viii) Tuduhan yang dikenakan terhadap pemohon adalah bagi kesalahan membunuh dan cubaan membunuh yang tiada kena mengena dengan kesalahan yang berbau politik. Adalah ditegaskan tiada sebarang pengaruh politik di dalam tindakan mendakwa pemohon di mahkamah terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan olehnya. I

[8] Dato' Wahid bin Mohd Don, Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia dalam afidavit jawapannya menyatakan antara lain seperti berikut:

(i) Pada 12 Oktober 2006, Pegawai Imigresen Tinggi Sivakumar a/l Suppiah telah menerima pemohon daripada Pemangku Deputi Superintenden Polis Ahmad Asri bin Jamaluddin. Pada hari yang sama, Timbalan Penolong Pengarah Imigresen Kasthuri Bai a/p Venugopal telah mengeluarkan perintah pemindahan di bawah s 33(1) Akta Imigresen 1959/63 dan perintah tahanan terhadap pemohon di bawah s 34(1) Akta Imigresen 1959/63.

(ii) Disebabkan perintah interim mahkamah yang dibuat pada 6 Oktober 2006 supaya pemohon tidak dipindahkan keluar daripada Malaysia sehingga selesainya pendengaran Permohonan Jenayah No 44–121 tahun 2006 yang difailkan oleh pemohon untuk suatu writ habeas corpus, pemohon telah ditahan lanjutan daripada perintah interim tersebut sehingga keputusan dibuat oleh mahkamah ini ke atas permohonan tersebut.

(iii) Jabatan Imigresen Malaysia bercadang untuk mengusir atau memindah pemohon ke negara asalnya selepas mahkamah memutuskan berkenaan permohonan pemohon. Jabatan Imigresen Malaysia akan membuat keputusan berkenaan cara bagaimana pemindahan pemohon akan dilakukan selepas keputusan dibuat oleh mahkamah ke atas Permohonan Jenayah No 44–121 tahun 2006 dan selepas perintah interim dibatalkan oleh mahkamah.

(iv) Pemohon telah memasuki Malaysia melalui Kawalan Imigresen Tambak Johor, Johor Bahru pada jam lebih kurang 7.57 malam pada 1 September 2006 dengan menggunakan paspot diplomatik Kingdom of Cambodia nombor D0007788. Pemohon telah diberi Pas Lawatan di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 untuk berada di Malaysia bagi tempoh selama tiga puluh hari bermula 1 September 2006 dan tamat pada 1 Oktober 2006.

(v) Surat Kedutaan DiRaja Cambodia bertarikh 6 November 2006 telah dirujuk yang memaklumkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia bahawa kedua-dua paspot antarabangsa diplomatic dan juga paspot biasa Kingdom of Cambodia kepunyaan pemohon telah dibatalkan oleh Kerajaan Kingdom of Cambodia.

(vi) Perjalanan dan pergerakan pemohon ke luar negara ini dan juga ke negara lain adalah tersekat kerana pemohon tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah iaitu paspot. Sesungguhnya pemberian Visa kepada pemohon adalah tertakluk kepada adanya dokumen perjalanan yang sah.

[9] Terdapat beberapa afidavit lagi yang telah difailkan oleh kedua-dua pihak di mana kebanyakannya adalah merupakan penjelasan, penafian dan jawapan-jawapan kepadanya. Untuk tujuan permohonan tersebut, kami mendapati ianya tidak relevan selain dari apa yang dinyatakan di atas.

[10] Pihak responden dalam rayuan ini telah juga mengemukakan kepada kami latar belakang fakta-fakta dan kronologi peristiwa yang relevan berkenaan kes pemohon ini seperti berikut:

(i) Pada 1 September 2006, pemohon telah memasuki Malaysia melalui Pas Kawalan Imigresen di Tambak Johor, Johor Bahru dan telah diberi pas lawatan yang sah selama 30 hari.

(ii) Pada 3 Oktober 2006, pemohon telah ditahan oleh pihak polis di Bandar Sunway. Pemohon telah kemudian ditangkap kerana disyaki melakukan satu kesalahan di bawah s 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63. Suatu laporan polis telah dibuat oleh ASP Nor Omar terhadap tangkapan tersebut dan pemohon telah ditahan sementara menanti siasatan di bilik lokap Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia di Bukit Aman.

(iii) Pada 5 Oktober 2006, pemohon melalui peguamnya telah memfailkan suatu permohonan writ habeas corpus melalui Permohonan Jenayah No 44–147 tahun 2006 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Pemohon telah menamakan Ketua Polis Negara, Ketua Pengarah Imigresen dan Kerajaan Malaysia sebagai pihak responden.

(iv) Permohonan writ habeas corpus tersebut telah didengar atas perakuan segera pada 6 Oktober 2006 dan YA Hakim Mahkamah Tinggi telah memberi perintah interim supaya pemohon tidak diusir daripada Malaysia sehingga selesai pendengaran permohonan writ habeas corpus tersebut.

(v) Pada 12 Oktober 2006, pihak polis telah menyerahkan pemohon kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan selanjutnya. Pada hari yang sama pihak Jabatan Imigresen telah mengeluarkan suatu perintah pemindahan ('order of removal') di bawah s 33(1) dan perintah tahanan di bawah s 34(1) Akta Imigresen 1959/63 terhadap pemohon. Pemohon telah terus ditahan di Bukit Aman.

(vi) Semasa kes Permohonan Jenayah No 44–147 tahun 2006 ('permohonan pertama') sedang didengar oleh YA Hakim Mahkamah Tinggi, pemohon telah memfailkan suatu lagi kes permohonan bertajuk Permohonan Jenayah Pelbagai No 44–147 tahun 2006 pada 11 Disember 2006 iaitu yang menjadi hal perkara rayuan kes sekarang. Permohonan pertama tersebut kemudian telah ditangguhkan pendengarannya oleh YA Hakim Mahkamah Tinggi.

(vii) Kes Permohonan Jenayah Pelbagai No 44–147 tahun 2006 telah didengar terlebih dahulu di mana pemohon telah menamakan Ketua Pengarah Imigresen sebagai responden dan semasa pendengaran kes ini pihak responden telah membangkit dua isu bantahan awal seperti berikut:

  (i) Bantahan awal terhadap kaedah prosedur yang digunakan oleh pemohon dalam permohonan tersebut di mana dikatakan salah dan tidak mengikut kehendak undang-undang.

  (ii) Perintah yang hendak dipohon oleh pemohon adalah bertentangan dengan peruntukan s 59A Akta Imigresen 1959/63.

(viii) Pada 15 Disember 2006, YA Hakim Mahkamah Tinggi telah menolak bantahan awal responden dan setelah mendengar kes di atas meritnya membenarkan permohonan pemohon tersebut. Sebaik sahaja permohonan tersebut dibenarkan pemohon telah menarik balik permohonan pertamanya untuk writ habeas corpus.

(ix) Pada 18 Disember 2006, responden telah memfailkan rayuan ini atas Sijil Perakuan Segera.

[11] Kami berpendapat isu yang perlu diputuskan melalui rayuan mi adalah melibatkan suatu isu undang-undang iaitu persoalan sama ada sesuatu semakan kehakiman boleh dibuat secara Permohonan Jenayah Pelbagai dan sama ada YA Hakim yang membicarakan kes ini boleh membuat perintah seperti yang dipohon oleh pemohon. Perintah bertarikh 15 Disember 2006 yang diberi oleh YA Hakim Mahkamah Tinggi berbunyi seperti berikut:

> Diperintahkan bahawa permohonan di dalam kandungan (a) dibenarkan dan diperintahkan Ketua Pengarah atas budi bicaranya untuk mengusir pemohon ke 'tempat berangkat terakhir' susulan daripada itu jika sekiranya ada sebarang kos berbangkit atau pengiraan mengikut budi bicara Ketua Pengarah atas agennya dan kos perbelanjaan sedemikian hendaklah dibayar oleh pemohon dalam tempoh masa yang disebut oleh Ketua Pengarah dan jika gagal berbuat demikian diberi sepenuhnya budi bicara kepada Ketua Pengarah untuk 'pengusiran' pemohon sama ada 'ke tempat berangkat' atau 'ke Negara asal' pada bila-bila masa yang beliau fikir sesuai seterusnya.

[12] Setelah mengkaji rekod rayuan dan setelah mendengar hujah peguam responden dan peguam pemohon, kami berpendapat YA Hakim yang membicarakan kes ini telah tersilap dari segi undang-undang dan fakta dalam tidak memutuskan bahawa permohonan pemohon melalui Permohonan Jenayah Pelbagai tersebut adalah tidak mempunyai asas undang-undang. YA Hakim sepatutnya tanpa mendengar merit permohonan pemohon membenarkan isu bantahan awal yang dibangkitkan oleh pihak responden dan menolak permohonan pemohon tersebut. Kami berpendapat sedemikian atas alasan-alasan seperti berikut:

[13] Kami bersetuju dengan hujah Peguam Kanan Persekutuan, En Mohamad Hanafiah bin Zakaria bagi pihak responden bahawa tidak terdapat tajuk-tajuk perkara atau 'intitulements' yang mencukupi dan betul dinyatakan kepada permohonan pemohon tersebut. Juga sekiranya terdapat tajuk-tajuk perkara dinyatakan sekalipun ianya tidak menyokong perintah-perintah atau relif yang dipohon oleh pemohon. Tajuk-tajuk perkara kepada permohonan pemohon tersebut ada menunjukkan beberapa undang-undang statut atau kaedah-kaedah yang pihak pemohon bergantung kepadanya. Walau bagaimanapun tajuk-tajuk perkara tersebut gagal menyatakan peruntukan undang-undang atau kaedah-kaedah mahkamah yang betul dan bersesuaian yang mana permohonan tersebut dibuat atau dibenarkan dibuat.

[14] Sungguhpun salah satu daripada tajuk-tajuk perkara kepada permohonan tersebut ada menyatakan Kanun Acara Jenayah ('KAJ'), persoalannya adalah di bawah peruntukan mana KAJ ianya dibuat. Sesuatu permohonan jenayah yang boleh dibuat adalah terhad kepada apa yang dibenarkan dipohon di bawah KAJ tersebut dan atas bidang perkara tertentu sahaja antara lainnya seperti berikut:

(i) permohonan untuk suatu bon kehadiran orang kena tuduh di mahkamah di bawah s 49;

(ii) permohonan untuk suatu bon kehadiran pengadu dan saksi-saksi di bawah s 118;

(iii) permohonan untuk mengemukakan harta benda atau dokumen di mahkamah di bawah s 51;

(iv) prosedur permohonan oleh pihak polls berkenaan rampasan harta benda di bawah s 413;

(v) permohonan untuk tahanan di bawah s 117;

(vi) permohonan oleh seseorang yang bercadang untuk merayu di mana ianya dilarang berbuat demikian melainkan dibenarkan oleh hakim atas kepentingan keadilan di bawah s 310;

(vii) permohonan untuk suatu penggantungan penghakiman sementara menanti rayuan di bawah s 311; dan

(viii) permohonan untuk suatu writ habeas corpus di bawah ss 365 dan 366.

[15] Di dalam kes ini apa yang dapat dilihat daripada perintah atau relif yang dipohon oleh pemohon adalah ianya tidak tergolong langsung dalam bidang perkara yang dibenarkan di bawah KAJ, tetapi ianya pada pandangan kami sepatutnya dibuat dan dipohon di bawah undang-undang yang lain. Relif yang dipohon oleh pemohon adalah berbentuk suatu perintah mandamus dan dalam hal perkara ini pemohon sepatutnya memulakan prosiding permohonan semakan kehakiman untuk relif tersebut melalui tatacara yang ditetapkan di bawah A 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Mengikut peruntukan A 53 k 2 KMT sesuatu permohonan untuk semakan kehakiman hendaklah dalam bentuk Borang 111A dan ini tidak dilakukan oleh pemohon. Mengikut peruntukan A 53 k 3 KMT pemohon hendaklah memperoleh kebenaran Mahkamah terlebih dahulu untuk suatu permohonan semakan kehakiman difailkan dan kehendak ini juga tidak patuhi oleh pemohon. Sekiranya tiada kebenaran terlebih dahulu diperoleh oleh pemohon dalam kes sekarang ini maka Mahkamah dianggap telah bertindak tanpa bidang kuasa dalam membenarkan pemohon untuk memohon suatu perintah mandamus (sila lihat kes *Mersing Omnibus Co Sdn Bhd v Minister of Labour and Manpower & Anor* [1983] 2 MLJ 541).

[16] Perintah mandamus juga boleh dipohon oleh pemohon terhadap pengkhidmat awam untuk melaksanakan sesuatu tindakan melalui kaedah permohonan yang diperuntukkan di bawah ss 44 dan 45 Akta Relif Spesifik 1950 ('Akta 137'). Tiada kebenaran ('leave') diperlukan diperoleh terlebih dahulu sebelum permohonan untuk relif atau remedinya dipohon melalui kaedah yang diperuntukkan di bawah ss 44 dan 45 Akta 137 (sila iihat kes *Metro Pacific Sdn Bhd v Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja & Anor* [2001] 4 MLJ 616. Di dalam kes sekarang ini pemohon tidak berbuat demikian dan tidak ada menyatakan peruntukan berkenaan sebagai tajuk perkara kepada permohonan yang difailkan.

[17] Kami berpendapat oleh kerana terdapat dua kaedah berlainan yang boleh digunakan oleh pemohon untuk memperolehi perintah mandamus terhadap pengkhidmat awam untuk melaksanakan sesuatu tindakan iaitu melalui peruntukan

A 53 KMT dan melalui peruntukan ss 44 dan 45 Akta 137 maka pemohon hendaklah menyatakan dengan tepat dan jelas atas undang-undang yang mana pemohon bergantung dalam permohonan pemohon tersebut. Kegagalan pemohon berbuat demikian telah mengakibatkan YA Hakim Mahkamah Tinggi yang membicarakan kes ini bertindak tanpa bidang kuasa dan perintah yang diberi adalah salah di sisi undang-undang.

[18] Peguam pemohon dalam hujah jawapannya menyatakan terdapat peruntukan s 25(2) dan perenggan 1 Jadual kepada s 25(2) dan perenggan 1 Jadual kepada Akta Kehakiman Mahkamah 1964 ('Akta 91') yang dinyatakan sebagai salah satu tajuk perkara atau 'intitulement' kepada permohonan pemohon tersebut. Peguam pemohon menyatakan pemohon bergantung kepada kuasa-kuasa tambahan yang diberi kepada Mahkamah Tinggi di bawah s 25(2) Akta 91 ini untuk Mahkamah memberi remedi yang dipohon oleh pemohon. Peruntukan s 25(2) dan perenggan 1 Jadual kepada Akta 91 tersebut adalah seperti berikut:

> 25. Powers of the High Court
>
> (1) ...
>
> (2) Without prejudice to the generality of subsection (1) the High Court shall have additional powers set out in the Schedule:
>
> Provided that all such powers shall be exercised in accordance with any written law or rules of court relating to the same.
>
> SCHEDULE
>
> (Section 25(2)
>
> ADDITIONAL POWERS OF HIGH COURT
>
> 1. Prerogative writs
>
> Power to issue to any person or authority directions, orders or writs including writs of the nature of habeas corpus, mandamus, prohibition, quo warrants and certiorari, or any others, for the enforcement of the rights conferred by part II of the Constitution, or any of them, or for any purpose.

[19] Persoalannya sekarang adalah sama ada remedi-remedi yang dipohon oleh pemohon boleh diperoleh melalui suatu Permohonan Jenayah Pelbagai dengan adanya rujukan kepada peruntukan s 25(2) dan perenggan 1 Jadual kepada Akta 91 tersebut sebagai tajuk perkara atau 'intitulement' kepada permohonan tersebut. Kami berpendapat kuasa-kuasa tambahan yang diberi kepada mahkamah oleh s 25(2) Akta 91 seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 1 Jadual tersebut hendaklah dilaksanakan mengikut kehendak undang-undang bertulis atau kaedah-kaedah mahkamah mengenainya. Kehendak undang-undang bertulis atau kaedah-kaedah mahkamah yang dimaksudkan dan terpakai dalam hal perkara ini adalah A 53 KMT (sila lihat kes *Pahang South Union Omnibus Co Bhd v Minister of Labour and Manpower & Anor* [1981] 2 MLJ 199). Di dalam kes rayuan sekarang ini pemohon telah menggunakan prosedur melalui Permohonan Jenayah Pelbagai untuk bertindak dan meyakinkan Mahkamah Tinggi melaksanakan kuasa-kuasa tambahannya seperti yang diperuntukkan di bawah s 25(2) dan perenggan 1 Jadual kepada Akta 91. Kami berpendapat oleh kerana prosedur permohonan yang digunakan oleh pemohon

adalah salah maka Mahkamah Tinggi dalam memberi perintah yang dipohon oleh pemohon adalah dengan itu bertindak tanpa bidang kuasa dan perintah yang diberi adalah dianggap tidak sah.

[20] Kami juga mendapati bahawa YA Hakim Mahkamah Tinggi telah tersilap dari segi fakta dan undang-undang dalam kegagalannya untuk memutuskan bahawa terdapat permohonan berganda ('duplicity of proceedings') apabila pemohon gagal untuk menarik balik permohonan writ habeas corpus yang difailkan oleh pemohon di bawah Permohonan Jenayah No 44–121 tahun 2006 setelah pemohon memfailkan Permohonan Jenayah Pelbagai No 44–147 tahun 2006 iaitu kes rayuan di mahkamah ini sekarang. Kes Permohonan Jenayah No 44–121 tahun 2006 tersebut telah hanya ditarik balik oleh pemohon selepas ianya memperolehi perintah seperti yang dipohon dalam kes Permohonan Jenayah Pelbagai No 44–147 tahun 2006. Pada kami tindakan pemohon dalam membuat dua permohonan untuk perkara yang sama adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah.

[21] Atas alasan-alasan yang telah dihuraikan seperti di atas kami secara sebulat suara membenarkan rayuan responden. Perintah bertarikh 15 Disember 2006 yang diberi oleh YA Hakim Mahkamah Tinggi adalah dengan ini diketepikan.

Rayuan dibenarkan.

Reported by Sally Kee